

HARI : \_\_\_\_\_

RABU

TARIKH :

4/9/2019

M/SURAT :

5

## Subsidi petrol dilaksana ikut perancangan

**PUTRAJAYA 3 Sept.** - Pelaksanaan subsidi petrol bersasar kepada kumpulan berpendapatan rendah (B40) akan mengikut perancangan seperti ditetapkan sebelum ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, pihak kerajaan akan sedaya-upaya memastikan perkara itu dapat dilaksanakan.

Sehubungan itu, beliau menepis dakwaan yang mengatakan bahawa pelaksanaan subsidi petrol bersasar ditangguhkan memandangkan perkara itu belum dibentangkan kepada kerajaan.

"Kita belum bentang, jadi macam mana hendak tangguh. Dakwaan itu tidak relevan, apa-apa mengenainya mesti datang daripada sumber menteri," katanya.